

'Rakyat nak lihat belia2 cintakan negara, bersusah'

MELAKA, Ahad — Pucuk pimpinan Kerajaan sekarang dan rakyat seluruhnya ingin melihat masyarakat belia mempunyai kecintaan yang tinggi terhadap negara di samping sanggup berkorban bila tenaga mereka diperlukan.

"Pucuk pimpinan dan rakyat juga ingin melihat kaum belia sanggup sama-sama susah bila negara menghadapi kecemasan dan sanggup menikmati kejayaan bila negara menempuhi zaman kegemilangan," kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Encik Abdul Rahim Datuk Thamby Chik.

Belliau mengingatkan kaum belia bahawa semangat kecintaan terhadap negara adalah perlu kerana ia boleh memberi keyakinan kepada kita sebagai benteng untuk menghindarkan segala gejala dan anasir yang tidak diingini.



ENCIK RAHIM
THAMBY CHIK

"Belia harus ingat sekiranya mereka kurang mempunyai semangat cintakan negara, akan mudahlah anasir-anasir tidak diingini meresapi dan meracuni golongan belia," tegas belliau.

Encik Abdul Rahim memberitahu demikian sewaktu berucap

merasmikan Seminar Pemimpin Belia anjuran Gabungan Belia Bersatu Malaysia Cawangan Daerah Alor Gajah di sini pagi ini.

Belliau memberitahu pucuk pimpinan dan rakyat ingin melihat para belia yang progresif serta mempunyai pandangan positif terhadap pembangunan negara.

"Belia juga harus bermoral tinggi dan adalah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin belia menentukan ahli-ahlinya mempunyai ciri-ciri yang tinggi, mantap dan berasaskan ketimuran," kata belliau.

Timbalan Menteri itu menegaskan rakyat itu menegakkan rakyat tentu bersetuju dengan pendapat bahawa corak kepimpinan yang ada sekarang adalah memenuhi hasrat rakyat negara ini dan kerajaan kini tidak akan bertolak ansur kepada sebarang kecurangan dalam pentadbiran.

Sementara itu, sewaktu berucap merasmikan Khemah Kerja Belia Keselamatan di Kampung Ladang, Kuala Sungai Baru lewat petang semalam, Encik Abdul Rahim mengingatkan rakyat tidak boleh berdiam diri dan berpuas hati dengan keadaan keselamatan negara sekarang yang terkawal.

"Negara masih terdedah kepada ancaman-ancaman dari dalam dan luar negeri seperti ancaman parti Komunis Malaya, penyalahgunaan dadah serta pelampau-pelampau agama dan perkauman," kata belliau.

Belliau menyeru rakyat menebalkan semangat cintakan negara dan sikap tidak mengambil berat terhadap kemajuan negara harus dihapuskan.

Encik Abdul Rahim mengingatkan rakyat berbilang kaum bahawa tanpa perpaduan, berharmoni, berdisiplin dan memupuk semangat kerjasama, selagi itulah perpaduan negara tidak terjamin.

"Kita sendiri akan menderita dan rakyat tidak dapat menikmati faedah pembangunan negara. Oleh itu, kita eratkan perpaduan untuk menghapuskan petualang-petualang negara yang hendak menghancurkan negara," kata belliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia